

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Tuan Jonathan Yasin [ Ranau ]**

**TARIKH : 19 MAC 2019**

**SOALAN : 53**

**Tuan Jonathan Yasin [ Ranau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan dalam mengkaji hak dan status Sabah dan Sarawak di bawah Perjanjian Malaysia 1963 semenjak Jawatankuasa Khas Kabinet ditubuhkan.

**JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**  
**TIMBALAN MENTERI DI**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 telah ditubuhkan bagi menyemak dan membuat pengesyoran kepada Kerajaan berhubung pelaksanaan hak-hak dan autonomi Sabah dan Sarawak selaras dengan peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan, Perjanjian Malaysia 1963 (***Malaysia Agreement 1963***) dan perkara-perkara yang terkandung di dalam "*Chapter 3, Annexes A and B of the Report of the Inter-Governmental Committee, 1962*".

Mesyuarat pertama Jawatankuasa Pemandu telah dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 17 Disember 2018. Mesyuarat ini telah bersetuju supaya satu laporan interim akan dibentangkan dalam tempoh **empat (4) bulan** dan satu laporan akhir akan dibentangkan dalam tempoh **enam (6) bulan** daripada tarikh mesyuarat tersebut.

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan secara bersama oleh saya dan Peguam Negara, YBhg. Tuan Tommy Thomas telah diadakan sebanyak dua kali pada 14 Januari 2019 dan 18 Februari 2019. Hasil daripada mesyuarat tersebut, Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja telah ditubuhkan untuk meneliti isu-isu yang berkaitan dengan pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 berdasarkan terma rujukan dan

skop kerja yang telah ditetapkan. Antara Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja tersebut adalah:

- a) Kluster Kewangan - diterajui oleh Kementerian Kewangan;
- b) Kluster Ekonomi - diterajui oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi;
- c) Kluster Sosial (Kerja Raya) - diterajui oleh Kementerian Kerja Raya;
- d) Kluster Sosial (Perkhidmatan Awam) - diterajui oleh Jabatan Perkhidmatan Awam; dan
- e) Kluster Sosial (Sumber Manusia) – diterajui oleh Kementerian Sumber Manusia.

Kesemua Jawatankuasa-Jawatankuasa ini telah melantik ahli-ahlinya dan memulakan perbincangan masing-masing dalam membincangkan secara lanjut tentang isu-isu kajian yang telah dikenal pasti.

Jawatankuasa Khas Kabinet tersebut akan mengambil masa selama 6 bulan untuk mengemukakan laporan terperinci kepada Kerajaan untuk pelaksanaan seterusnya. Kedudukan Sabah dan Sarawak akan dilihat semula secara teliti berdasarkan peruntukan-peruntukan yang ada di bawah Perlembagaan Persekutuan dan Perjanjian Malaysia 1963.

Sekian, terima kasih.